AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL AUDIENCE : 56,027 PAGE: 8
PRINTED SIZE: 295.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,835
WORDS: 497 ITEM ID: DP0122396656


AGC teliti kaedah pilih calon

01 NOV, 2026

Pusat data perlu bayar kos elektrik ikut harga pasaran

Berita Harian Ahad, Malaysia

Pusat data perlu bayar kos elektrik ikut harga pasaran

Kuala Lumpur: Pengendali pusat data di negara ini perlu membayar kos bekalan elektrik berdasarkan harga pasaran dunia, selain menanggung bayaran kapasiti tenaga yang dipersetujui walaupun tidak digunakan sepenuhnya.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata keperluan elektrik bagi pusat data diasingkan daripada 27 hingga 28 sektor industri lain yang ditadbir urus Tenaga Nasional Berhad (TNB), bagi memastikan sektor berkenaan tidak menerima sebarang elemen subsidi.

"Setiap pusat data yang dibina dalam negara kita ini dia ada kehendak untuk mendapatkan elektrik ini (dan) diasingkan dengan 27, 28 industri yang ditadbir urus oleh TNB.

"Jadi kita mahu mengasingkan pusat data ini daripada industri lain, dia tidak ada elemen subsidi. Apa sahaja yang kita hasilkan tenaga untuk pusat data ini akan mengikut pasaran dunia," katanya dalam video di Parlimen yang dikongsikan di Facebooknya.

Menurut beliau, pembangunan pusat data turut membuka peluang kepada PETRONAS untuk memanfaatkan bekalan gas asli bagi memenuhi permintaan tenaga domestik pada harga pasaran.

Katanya, ia memandangkan syarikat berkenaan ketika ini masih menjadi pengeksport gas kelima terbesar dunia dengan jumlah eksport kira-kira 30 juta metrik tan setahun.

"Jadi kalau eksport ini selalunya kita akan memeterai perjanjian jangka panjang dengan negara luar tetapi kalau kita ada pusat data beroperasi di sini gas berkenaan mungkin boleh digunakan (untuk pasaran domestik) dan dapat harga pasaran tanpa bergantung kepada perjanjian jangka panjang," katanya.

Beliau berkata, bekalan elektrik kepada pusat data hanya akan diberikan sekiranya terdapat lebihan bekalan dan jika tiada ia akan menggunakan kaedah luar grid (*off-grid*).

"Kaedah luar grid bermaksud (pengendali pusat data) boleh menjana apa-apa sumber tenaga. Contoh, jika dia mahu menggunakan tenaga solar, dia boleh membangunkannya bersama bateri, katakan (dengan kapasiti) 300 megawatt (MW), 500MW atau 1,000MW, dia boleh bawa menerusi pelaburan.

"Jadi, dalam tempoh tertentu, portfolio penjanaan tenaga yang ada di negara ini akan menjadi lebih seimbang berbanding jika kita hanya bergantung kepada arang batu atau gas," katanya.

Johari berkata, semua perkara yang diproses ketika ini sudah diluluskan sebelum ini dan kerajaan mahu memastikan bekalan elektrik mencukupi bagi memenuhi keperluan pelabur.

Kata beliau, kerajaan tidak boleh membiarkan pelabur membawa masuk pelaburan berbilion ringgit sebelum mendapati bekalan elektrik tidak mencukupi selepas projek siap, manakala 24 permohonan baharu pembangunan pusat data yang diterima setakat ini masih belum diberikan sebarang keputusan.

"Kita perlu selektif ,bukan semua boleh datang ke Malaysia, kita perlu sangat selektif. Sebab itu apabila kita lihat mengenai teknologi pusat data dan sebagai kita lihat (juga) kepada syarikat yang mempunyai kekuatan kewangan.

"Apabila dia (syarikat berkenaan) menandatangani Perjanjian Pembekalan Tenaga (ESA), sebagai contoh satu pusat data mahu bekalan tenaga 300MW tetapi cuma guna 100MW, 200MW lagi tidak digunakan, dia perlu bayar seolah-olah (kapasiti itu) digunakan.

"Seperti kita kalau membina kilang biasa selain daripada pusat data ini, kita meminta 100MW tetapi kilang kita hanya guna 50MW, 60MW, bakinya dia (TNB) tidak mengenakan caj kepada kita (kilang)," katanya.

Kata beliau lagi, ini kerana, TNB tidak mahu mendedahkan bekalan tenaga yang dikendalikannya untuk industri lain kepada sebarang risiko.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.